
Kebolegunaan Modul Digital Bagi Kursus MPU23012 Pengajian Islam Menggunakan Teknik Kumpulan Norminal

Mohamad Faisal bin Jumri¹, Muhammad Solihin Yaakub², Mohd Zaid Ismail³

¹ Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia
E-mail: m.faisal@psas.edu.my

^{2,3} Politeknik Sultan Azlan Shah, 35950 Behrang Stesen, Perak, Malaysia
E-mail: solihin@psas.edu.my, mohd_zaid@psas.edu.my

Abstract

Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolegunaan modul digital yang dibangunkan untuk kursus MPU23012 Pengajian Islam di politeknik. Metodologi kajian menggunakan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) yang melibatkan tujuh orang pakar yang terdiri daripada pensyarah Unit Pendidikan Islam dan Moral di Politeknik Sultan Azlan Shah. Data dianalisis menggunakan sistem analisis data NGT Plus. Dapatan menunjukkan kesemua konstruk utama modul mencapai tahap persetujuan yang tinggi (melebihi 70%) dalam kalangan pakar. Peratusan persetujuan tertinggi dicapai oleh konstruk Kemudahan Pembelajaran (91.84%), diikuti dengan Kebergunaan dan Kemudahan Penggunaan (89.8%). Dalam aspek kebergunaan, item berkaitan kegunaannya dalam pembelajaran Pengajian Islam dan memenuhi keperluan pembelajaran mencapai persetujuan tertinggi (97.14%). Manakala dalam aspek teknikal, item berkaitan kestabilan teknikal dan keserasian dengan pelbagai peranti mencapai persetujuan 94.29%. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam aspek pembedahan kesilapan yang hanya mencapai 80% persetujuan. Kajian ini menunjukkan bahawa modul digital yang dibangunkan mempunyai tahap kebolegunaan yang tinggi dan berpotensi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran kursus Pengajian Islam di politeknik. Implikasi kajian mencadangkan potensi penggunaan modul secara meluas di semua politeknik Malaysia. Cadangan untuk kajian masa depan termasuk penilaian keberkesanan modul terhadap pencapaian pelajar, kajian impak penggunaan modul dalam pelbagai konteks pembelajaran, dan penilaian keberkesanan modul berbanding kaedah pengajaran konvensional.

Kata kunci : Kebolegunaan, Modul Digital, MPU23012, Pengajian Islam, Teknik Kumpulan Nominal
